

Sikap dan Masalah Guru Pelatih dalam Menjalani Latihan Mengajar

ZAKARIA KASA dan ABDUL RAHMAN MD. AROFF

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Kata kunci: latihan mengajar, guru pelatih, sikap, pendidikan perguruan

ABSTRAK

Latihan mengajar adalah aktiviti penting dalam program pendidikan perguruan. Melalui aktiviti ini, pelajar didehadkan kepada keadaan sebenar alam perguruan. Kajian ini cuba mengenal pasti sikap pelajar terhadap latihan mengajar dan masalah yang dihadapi semasa menjalani latihan tersebut. Populasi terdiri daripada guru pelatih UPM yang menjalani latihan mengajar pada semester Disember 1993/94. Teknik persampelan kelompok bersistematis digunakan untuk memilih sampel sejumlah 215 orang guru pelatih. Dapatkan menunjukkan, secara keseluruhan guru pelatih mempunyai sikap yang positif terhadap latihan mengajar. Sikap terhadap latihan mengajar didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengalaman mengajar. Guru pelatih bukan bekas guru mempunyai sikap yang lebih positif terhadap latihan mengajar daripada guru pelatih bekas guru. Dapatkan juga menunjukkan guru pelatih mempunyai kesukaran untuk (1) mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan pelajar memberi tumpuan sepenuhnya, (2) memilih alat bantu mengajar yang sesuai, (3) memilih kaedah mengajar yang sesuai, (4) mengetahui latar belakang setiap pelajar yang diajar, (5) mengingati semua nama pelajar yang diajar, (6) mengatasi masalah kewangan, (7) mengatasi masalah kerisauan, dan (8) menyediakan berbagai-bagai jenis soalan. Dua daripada masalah ini, iaitu kesukaran memilih alat bantu mengajar dan kaedah mengajar yang sesuai mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap latihan mengajar.

ABSTRACT

Practical teaching is an important component in the teacher education programme, as it exposes students to the actual teaching environment. A study was conducted to identify the attitude of student teachers towards practical teaching and the problems they faced during practicum. The population comprised UPM student teachers of the December semester 1993/94. The systematic cluster sampling technique was used to select the sample of 215 student teachers. The findings showed that, in general, student teachers have a positive attitude towards practical teaching; this attitude was found to have a significant relationship with teaching experience. Student teachers without teaching experience were found to have a more positive attitude towards practical teaching than those who had teaching experience. The findings also showed that student teachers found difficulties in (1) teaching with full concentration in the time frame given, (2) choosing appropriate audiovisual teaching aids, (3) choosing appropriate teaching methods, (4) knowing the background of every student that he/she taught, (5) remembering the names of all students he/she taught, (6) solving financial problems, (7) solving the problem of anxiety, and (8) preparing various types of questions. Two of these problems, i.e. the difficulties of choosing appropriate audiovisual teaching aids and teaching methods, had significant relationships with attitude towards practical teaching.

PENDAHULUAN

Latihan mengajar adalah komponen penting dalam program pendidikan perguruan. Melalui latihan mengajar, secara terus guru pelatih mengalami alam pekerjaan yang akan diceburi setelah bergraduat. Latihan mengajar memberi guru pelatih kemahiran, sikap dan tanggung-

jawab baru yang berbeza daripada apa yang mereka alami sebagai pelajar.

Henry dan Beasley (1979) menyatakan latihan mengajar mempunyai dua dimensi. Dimensi pertama ialah hubungan sosial antara guru pelatih dengan penyelia, pengetua, guru pembimbing, guru lain di sekolah dan murid.

Dimensi ini melibatkan interaksi guru pelatih atas dasar emosi dan sosial. Hasil daripada hubungan ini timbul dalam diri guru pelatih sikap, nilai dan perasaan terhadap bidang perguruan. Dimensi kedua ialah proses pengajaran di mana guru pelatih mesti belajar prosedur asas untuk menentukan kandungan mata pelajaran yang hendak diajar dan membentuk dengan jayanya strategi pengajaran. Kedua-dua dimensi ini perlu dialami oleh guru pelatih kerana kedua-duanya adalah saripati latihan mengajar yang tidak boleh dipisahkan.

Pada peringkat awal latihan mengajar, guru pelatih mungkin mengalami kerisauan. Tetapi masalah ini dapat dikurangkan setelah mereka lama berada di sekolah. Sharpe (1970) mendapatkan guru pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan tidak selamat dan ketakutan. Besar kemungkinan mereka mengalami kombinasi perasaan ingin tahu, pengharapan dan kerisauan. Di samping itu, guru pelatih suka mengajar bukan sepertimana mereka diajar untuk mengajar tetapi dengan cara yang mereka telah diajar (Henry dan Beasley 1979). Zevin (1971) pula menyatakan guru pelatih suka meniru cara mengajar guru pembimbing mereka, tanpa menghiraukan pandangan yang diberikan oleh penyelia. Seperson dan Joyce (1973) menyokong pandangan itu dengan menyatakan guru pembimbing banyak mempengaruhi tingkah laku guru pelatih.

Semasa menjalani latihan mengajar, kebanyakan guru pelatih menghadapi masalah. Kajian tentang masalah yang dihadapi oleh guru pelatih menunjukkan masalah sahsiah adalah masalah utama yang dihadapi oleh guru pelatih (Henry 1963). Selain itu, Henry menyatakan guru pelatih juga mengalami masalah pengajaran. Tambahan, Cohen *et al.* (1972) mendapatkan di antara masalah yang dihadapi oleh guru pelatih ialah menghiaskan bilik darjah supaya kelihatan lebih menarik, menyusun kandungan mata pelajaran, memberi peluang kepada semua murid melibatkan diri dalam aktiviti, dan menyediakan bahan yang membolehkan murid memahaminya. Satu lagi masalah yang selalu disuarakan oleh guru pelatih ialah penyeliaan. Acheson dan Gall (1980) mendapatkan guru pelatih memang tidak suka diselia, walaupun penyeliaan itu dianggap sebagai aktiviti penting dalam latihan mengajar. Terdapat guru pelatih yang memberi reaksi yang tidak baik terhadap penyeliaan. Walau bagaimanapun, Acheson dan Gall menyatakan

guru pelatih sebenarnya bukan tidak suka kepada penyeliaan, tetapi mereka tidak suka kepada cara penyeliaan. Walau apapun, segala masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar sedikit sebanyak mempengaruhi sikap mereka terhadap latihan mengajar.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti sikap guru pelatih Universiti Pertanian Malaysia (UPM) terhadap latihan mengajar dan juga masalah yang mereka hadapi semasa menjalani latihan mengajar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar dengan pembolehubah latar belakang dan masalah yang dihadapi. Dapatkan kajian ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam pendidikan perguruan. Mereka yang boleh memanfaatkan dapatan kajian ini termasuklah penyelia, pensyarah, pengetua, guru pembimbing dan guru pelatih itu sendiri.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada guru pelatih yang menjalani latihan mengajar pada semester Disember 1993/94. Senarai nama guru pelatih yang terlibat dalam latihan mengajar pada semester tersebut diperoleh daripada Urusetia Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling (LMPK), Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM. Sebanyak 430 orang guru pelatih menjalani latihan mengajar pada semester tersebut.

Teknik persampelan rawak berkelompok bersistematik digunakan untuk memilih sampel kajian. Pemilihan dibuat berdasarkan program pengajaran. Saiz sampel yang diperlukan untuk populasi 430 orang ialah 203 orang (Krejcie dan Morgan 1971). Untuk memenuhi keperluan saiz sampel itu, 50% guru pelatih daripada setiap program pendidikan perguruan telah dipilih secara rawak bersistematik (iaitu setiap nama dalam senarai nama yang bernombor ganjil dipilih) untuk dijadikan sampel kajian yang bersaiz 215 orang.

Instrumentasi

Instrumen dibentuk untuk mendapat maklumat tentang masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar dan juga

untuk mengukur sikap mereka terhadap latihan mengajar. Sebanyak 80 item yang berupa aktiviti yang akan dilakukan oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar disenaraikan. Guru pelatih diminta menandakan darjah kesukaran mereka dalam melakukan setiap aktiviti tersebut. Hanya aktiviti yang dikatakan oleh 50% guru pelatih dan lebih dianggap sebagai bermasalah. Skala bagi darjah kesukaran ialah 1 sebagai tidak sukar, 2 sedikit sukar, 3 sukar dan 4 sangat sukar. Skala bagi 1 dan 2 (iaitu tidak sukar dan sedikit sukar) dan juga skala 3 dan 4 (iaitu sukar dan sangat sukar) disatukan supaya menjadi tidak sukar dan sukar. Sebanyak 35 item telah dibentuk untuk mengukur sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar. Skala bagi setiap item ialah 5 sebagai sangat setuju, 4 setuju, 3 tidak pasti, 2 tidak setuju dan 1 sangat tidak setuju.

Instrumen yang dibentuk itu telah diberikan kepada enam orang pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM untuk memberi pandangan. Tujuannya ialah untuk menentukan kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen berkenaan. Instrumen itu kemudiannya dikaji rintis dengan sekumpulan 30 orang pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM yang akan keluar menjalani latihan mengajar dan mereka tidak dipilih sebagai sampel kajian. Kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan Cronbach alpha. Pekali kebolehpercayaan instrumen untuk mengukur sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar didapati .85 dan pekali kebolehpercayaan instrumen untuk menentukan darjah kesukaran guru pelatih dalam melakukan aktiviti atau perkara tertentu semasa latihan mengajar didapati .83.

Analisis Data

Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSSPC+. Data deskriptif dianalisis sebagai peratusan dan kecenderungan memusat dengan menggunakan statistik yang sesuai dengan jenis data. Pekali korelasi ‘Point Biserial (r_{pb})’ diguna untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah jantina, pengalaman mengajar dan masalah yang dihadapi dengan sikap terhadap latihan mengajar. Pekali Phi diguna untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah aktiviti yang bermasalah dengan jantina dan pengalaman mengajar.

DAPATAN

Daripada 215 responden yang diharapkan, 173 (80.5%) telah mengembalikan soal selidik. Sembilan puluh orang (52.0%) daripada jumlah tersebut adalah lelaki dan 83 orang (48.0%) adalah perempuan. Sebanyak 105 orang (60.7%) adalah bekas guru dan 68 orang (39.3%) adalah bukan bekas guru.

Aktiviti yang Bermasalah

Daripada 80 pernyataan berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan semasa menjalani latihan mengajar, lebih daripada 50% guru pelatih menyatakan mereka menghadapi kesukaran untuk melakukan lapan aktiviti berikut:

- 1) mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya (V1),
- 2) memilih alat bantu mengajar yang sesuai (V2),
- 3) memilih kaedah mengajar yang sesuai (V3),
- 4) mengetahui latar belakang setiap murid yang diajar (V4),
- 5) mengingati semua nama murid yang diajar (V5),
- 6) mengatasi masalah kewangan (V6),
- 7) mengatasi masalah kerisauan (V7), dan
- 8) menyediakan berbagai-bagai jenis soalan (V8).

Dari segi jantina, lebih 50% guru pelatih perempuan menyatakan mereka menghadapi kesukaran dalam semua lapan aktiviti tersebut. Kebanyakan mereka terdiri daripada guru pelatih bukan bekas guru. Bagi guru pelatih lelaki, lebih 50% daripada mereka menyatakan sukar menyediakan berbagai-bagai jenis soalan, mengingati semua nama murid yang diajar dan mengatasi masalah kewangan (lihat Jadual 1).

Dari segi pengalaman mengajar, lebih 50% daripada guru pelatih bukan bekas guru menyatakan mereka menghadapi kesukaran dalam semua lapan aktiviti tersebut. Bagi guru pelatih bekas guru, lebih 50% daripada mereka menyatakan mereka hanya menghadapi kesukaran untuk mengingati semua nama murid yang diajar dan mengatasi masalah kewangan (lihat Jadual 2).

JADUAL 1
Aktiviti bermasalah mengikut jantina

Jantina	Darjah Kesukaran	Perkara							
		V1	V2	V3	V4	V5	V6	V7	V8
Lelaki (n=90)	Tidak sukar	49	46	49	53	50	45	35	37
		(59.8) *	(59.0)	(60.5)	(67.1)	(59.9)	(54.9)	(46.1)	(54.4)
		(54.4) **	(51.1)	(58.9)	(58.9)	(55.6)	(50.0)	(50.0)	(41.1)
	Sukar	41	44	41	37	40	45	55	53
		(45.1)	(46.3)	(44.6)	(39.4)	(44.9)	(49.5)	(56.7)	(50.3)
		(45.6)	(48.9)	(45.6)	(41.1)	(44.4)	(50.0)	(61.1)	(58.9)
Perempuan (n=83)	Tidak sukar	33	32	32	26	34	37	41	31
		(40.2)	(41.0)	(39.5)	(32.9)	(40.5)	(45.1)	(53.9)	(45.6)
		(39.8)	(38.6)	(38.6)	(31.3)	(41.0)	(44.6)	(49.4)	(37.3)
	Sukar	50	51	51	57	49	46	42	52
		(54.9)	(53.7)	(55.4)	(60.6)	(55.1)	(50.5)	(43.3)	(49.5)
		(60.2)	(61.4)	(61.4)	(68.7)	(59.0)	(55.4)	(50.6)	(62.7)

()* Peratusan antara kumpulan lelaki dan perempuan

()** Peratusan dalam kumpulan lelaki atau perempuan

Nota:

V1 = Mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya

V2 = Mengatasi masalah kerisauan

V3 = Memilih alat bantu mengajar yang sesuai

V4 = Memilih kaedah mengajar yang sesuai

V5 = Menyediakan alat bantu mengajar

V6 = Menyediakan pelbagai jenis soalan

V7 = Mengingati semua nama murid yang diajar

V8 = Mengatasi masalah kewangan

JADUAL 2
Aktiviti bermasalah mengikut pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	Darjah Kesukaran	Perkara							
		V1	V2	V3	V4	V5	V6	V7	V8
Bekas Guru (n=105)	Tidak sukar	56 (68.3)*	54 (69.2)	55 (67.9)	57 (75.2)	56 (66.7)	53 (64.6)	45 (59.2)	48 (70.6)
		(53.3)**	(51.4)	(52.4)	(54.3)	(53.3)	(50.5)	(42.9)	(45.7)
		49 (53.8)	51 (53.7)	50 (54.3)	48 (51.1)	49 (55.1)	52 (57.1)	60 (61.9)	57 (54.3)
	Sukar	(46.7)	(48.6)	(47.6)	(45.7)	(46.7)	(49.5)	(57.1)	(54.3)
Bukan Bekas Guru (n=68)	Tidak sukar	26 (31.7)	24 (30.0)	26 (32.1)	22 (27.8)	28 (33.3)	29 (35.4)	31 (40.8)	20 (29.4)
		(38.2)	(35.3)	(38.2)	(32.4)	(41.2)	(42.6)	(45.6)	(29.4)
		42 (46.2)	44 (46.3)	42 (45.7)	46 (48.9)	40 (44.9)	39 (42.9)	37 (38.1)	48 (45.7)
	Sukar	(61.8)	(64.7)	(61.8)	(67.6)	(58.8)	(57.4)	(54.4)	(70.6)

()* Peratusan antara kumpulan lelaki dan perempuan

()** Peratusan dalam kumpulan lelaki atau perempuan

Nota:

- V1 = Mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya
- V2 = Mengatasi masalah kerisauan
- V3 = Memilih alat bantu mengajar yang sesuai
- V4 = Memilih kaedah mengajar yang sesuai
- V5 = Menyediakan alat bantu mengajar
- V6 = Menyediakan pelbagai jenis soalan
- V7 = Mengingati semua nama murid yang diajar
- V8 = Mengatasi masalah kewangan

Sikap Terhadap Latihan Mengajar

Dari segi sikap, secara keseluruhannya guru pelatih mempunyai sikap positif terhadap latihan mengajar ($\text{Min} = 3.0$, $\text{Sd} = .50$).

Hubungan Antara Pemboleh Ubah

Hubungan yang sangat rendah tetapi signifikan wujud antara kesukaran memilih alat bantu mengajar yang sesuai dan memilih kaedah mengajar yang sesuai dengan jantina. Peratus guru pelatih perempuan yang menghadapi masalah tersebut adalah lebih banyak daripada guru pelatih lelaki. Hubungan yang sangat rendah tetapi signifikan juga wujud antara kesukaran mengatasi masalah kerisauan, memilih kaedah mengajar yang sesuai dan mengatasi masalah kewangan dengan pengalaman mengajar (lihat Jadual 3). Peratus guru pelatih bukan bekas guru didapati lebih banyak menghadapi masalah tersebut daripada guru pelatih bekas guru.

Dari segi hubungan antara sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar dengan jantina, pengalaman mengajar dan aktiviti bermasalah, kajian mendapati (lihat Jadual 4):

- 1) Jantina tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar ($r_{pb} = .04$, $p > .05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan sikap terhadap latihan mengajar antara guru pelatih perempuan dan guru pelatih lelaki.
- 2) Pengalaman mengajar mempunyai hubungan sederhana yang signifikan dengan sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar ($r_{pb} = .40$, $p < .05$). Guru pelatih bukan bekas guru didapati mempunyai sikap yang lebih positif daripada guru pelatih bekas guru (Min untuk guru pelatih bukan bekas guru = 3.2, dan min untuk guru pelatih bekas guru = 2.8).
- 3) Di antara perkara yang dinyatakan sukar, memilih kaedah yang sesuai ($r_{pb} = .18$, $p < .05$) dan menyediakan alat bantu mengajar ($r_{pb} = .18$, $p < .05$) mempunyai hubungan yang sangat rendah tetapi signifikan dengan sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar. Guru pelatih yang tidak menghadapi kesukaran dalam perkara-perkara ini didapati mempunyai sikap yang lebih positif terhadap latihan mengajar daripada guru pelatih yang menghadapi kesukaran (lihat Jadual 5).

PERBINCANGAN

Latihan mengajar adalah suatu program yang penting dalam pendidikan perguruan. Semasa menjalani latihan mengajar, kedudukan guru pelatih bukan lagi sebagai seorang pelajar tetapi mereka juga bukan seorang guru. Keadaan ini mungkin disedari apabila mereka merasakan murid yang diajar bukanlah murid mereka dan segala tindakan mereka mestilah dipersetujui oleh guru pembimbing atau pengetua sekolah terlebih dahulu (Henry dan Beasley 1979). Keadaan ini akan membuat mereka dalam keadaan serba salah. Di samping itu, mereka juga menghadapi pelbagai masalah sepanjang tempoh menjalani latihan mengajar. Ada di antara masalah itu, mereka tidak mempunyai cara untuk mengatasinya.

Untuk mengelak daripada menghadapi banyak masalah semasa menjalani latihan mengajar, guru pelatih perlu mengenal pasti masalah yang mungkin dihadapi sebelum menjalani latihan mengajar dan kemudian membuat satu rancangan yang logikal untuk mengatasinya. Penyelia, pengetua dan guru pembimbing boleh membantu mereka mengatasi masalah tersebut dengan memberi galakan, panduan dan pertolongan yang sewajarnya.

Kajian mendapati empat aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran yang sukar diatasi oleh guru pelatih terutamanya di kalangan guru pelatih perempuan bukan bekas guru. Aktiviti tersebut ialah memilih alat bantu mengajar yang sesuai, memilih kaedah mengajar yang sesuai, mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya, dan menyediakan pelbagai jenis soalan. Golongan guru pelatih ini juga didapati menghadapi kesukaran untuk mengatasi kerisauan. Keadaan ini timbul mungkin kerana golongan guru pelatih ini baru pertama kali mengalami keadaan sebenar alam perguruan. Selain itu, pengajaran mereka diselia dan dinilai oleh penyelia daripada universiti dan pengetua sekolah. Oleh kerana harapan untuk berjaya dalam latihan mengajar begitu tinggi, membuatkan, mereka merasa mempunyai kekurangan dan tidak cukup bersedia untuk mengajar. Perasaan ini membuat mereka risau tentang pencapaian mereka dalam latihan mengajar. Jika prestasi pengajaran mereka tidak memuaskan, keputusan penilaian akan menjaskan pencapaian mereka secara

JADUAL 3
Hubungan antara jantina dan pengalaman mengajar dengan aktiviti bermasalah

Pemboleh ubah	Aktiviti Bermasalah							
	V1	V2	V3	V4	V5	V6	V7	V8
Jantina	15	.13 .	16 *	.28 *	.15	.05	.11	.04
Pengalaman Mengajar	.14	.16 *	.14	.22	.12	.08	.03	.16 *

Pekali korelasi Phi, * $p < .05$

Nota:

V1 = Mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya

V2 = Mengatasi masalah kerisauan

V3 = Memilih alat bantu mengajar yang sesuai

V4 = Memilih kaedah mengajar yang sesuai

V5 = Menyediakan alat bantu mengajar

V6 = Menyediakan pelbagai jenis soalan

V7 = Mengingati semua nama murid yang diajar

V8 = Mengatasi masalah kewangan

keseluruhan kerana jumlah jam kredit yang besar (5 jam kredit) telah diperuntukkan untuk latihan mengajar.

Semasa menjalani latihan mengajar, guru pelatih terutamanya yang baru pertama kali mengajar, mungkin ingin cuba menggunakan apa yang dipelajari di universiti seperti kaedah mengajar dan cara memilih alat bantu mengajar yang baru. Tetapi apabila berada di dalam keadaan sebenar di sekolah, mereka tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari itu, mungkin kerana keadaan di sekolah yang serba kekurangan. Di samping itu, mereka tidak dapat mencari alternatif baru untuk disesuaikan dengan keadaan. Sebaliknya, bagi kebanyakan guru pelatih bekas guru, mereka tidak berasa sukar dengan keadaan itu. Ini mungkin kerana mereka sudah biasa dengan keadaan di sekolah. Pengalaman mereka sebagai guru membantu mereka menyesuaikan diri dengan keadaan di sekolah. Walau bagaimanapun, golongan guru pelatih ini menunjukkan sikap dingin terhadap latihan mengajar. Ini mungkin kerana mereka berasa latihan mengajar tidak banyak menyumbang kepada perkembangan profesionalisme mereka ataupun mungkin mereka berasa latihan mengajar mencabar kebolehan mereka mengajar, sedangkan mereka adalah guru berpengalaman. Walaupun mereka

mempunyai sikap dingin terhadap latihan mengajar, mereka dapat menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang daripada guru pelatih bukan bekas guru. Ini menunjukkan mereka hanya bersikap dingin terhadap latihan mengajar tetapi masih mencintai profesion perguruan. Di samping itu mereka tidak menghadapi kesukaran dalam menjalankan pelbagai aktiviti semasa latihan mengajar jika dibandingkan dengan guru pelatih bukan bekas guru. Ini menunjukkan pengalaman mereka sebagai guru, membantu mereka dalam menjalani latihan mengajar.

CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, cadangan berikut disarankan:

- 1) Perancang kurikulum pendidikan perguruan perlu memikirkan cara menggabunggalinkan kursus kaedah mengajar dengan kursus teknologi pendidikan. Tujuannya ialah supaya pelajar dapat melihat dengan lebih jelas alat bantu mengajar yang sesuai digunakan dalam sesuatu kaedah mengajar.
- 2) Pensyarah kaedah mengajar dan juga teknologi pendidikan seharusnya menunjukcara kaedah mengajar dan penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dengan isi pelajaran tertentu supaya pelajar dapat menggunakanya dengan lebih baik

JADUAL 4
Hubungan antara sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar dengan jantina, pengalaman mengajar dan aktiviti bermasalah (n = 173)

Pemboleh Ubah Hubungan	Signifikan (r_{pb})	(p)
1. Jantina	.04	.62
2. Pengalaman mengajar	.39	.00 *
3. Kesukaran mengajar dalam tempoh masa yang membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya.	.14	.07
4. Kesukaran mengatasi masalah kerisauan	.05	.49
5. Kesukaran memilih alat bantuan mengajar yang sesuai.	.05	.49
6. Kesukaran memilih kaedah yang sesuai	.18	.02 *
7. Kesukaran menyediakan alat bantu mengajar.	.18	.02 *
8. Kesukaran menyediakan berbagai-bagai jenis soalan.	.12	.12
9. Kesukaran mengetahui latar belakang murid yang diajar.	.02	.74
10. Kesukaran mengingati nama murid yang diajar.	.06	.43
11. Kesukaran mengatasi masalah kewangan.	.14	.07

* $p < .05$

Skala untuk sikap terhadap latihan mengajar:

- 1 = Tidak Setuju
- 2 = Kurang Setuju
- 3 = Setuju
- 4 = Sangat Setuju

JADUAL 5
Jadual min sikap guru pelatih terhadap latihan mengajar mengikut kesukaran aktiviti (n = 173)

Aktiviti Bermasalah	Darjah Kesukaran	Min
Memilih kaedah mengajar yang sesuai	Tidak Sukar Sukar	3.09 2.92
Menyediakan alat bantuan mengajar	Tidak Sukar Sukar	3.08 2.91

Skala untuk sikap terhadap latihan mengajar:

- 1 = Tidak Setuju
- 2 = Kurang Setuju
- 3 = Setuju
- 4 = Sangat Setuju

- lagi. Pengajaran secara umum sesuatu kaedah mengajar dan penggunaan alat bantu mengajar tidak banyak membantu pelajar dalam mengaplikasinya dalam pengajaran yang khusus. Begitu juga dengan pengajaran secara teori tentang sesuatu kaedah mengajar atau alat bantu mengajar tanpa diikuti dengan menunjukcara penggunaannya membuat pelajar tidak tahu menggunakan apabila diperlukan. Alat bantu mengajar yang diajar atau digunakan biarlah selaras dengan yang terdapat di sekolah atau yang mudah diperoleh.
- 3) Guru pelatih seharusnya didedahkan lebih awal lagi di sekolah supaya mereka dapat memahami alam persekolahan dengan lebih baik sebelum menjalani latihan mengajar. Selain itu mereka juga seharusnya dibiarkan membiasakan diri dengan alam persekolahan sebelum mereka diselia.
 - 4) Penyelia haruslah menyelia guru pelatih dalam keadaan yang tenang. Masa perlu diperuntukkan secukupnya untuk berada bersama-sama dengan guru pelatih sepanjang tempoh pengajaran mereka dan juga perbincangan sebelum dan selepas pengajaran. Malah Hedges (1989) mencadangkan agar penyelia seharusnya bersama-sama dengan guru pelatih menentukan tarikh dan masa yang sesuai untuk penyeliaan. Tujuannya ialah untuk mengelak guru pelatih daripada mengalami perasaan ketegangan dan kerisauan.
 - 5) Menurut Acheson dan Gall (1980), guru pelatih bukan suka kepada penyeliaan tetapi mereka sebenarnya tidak suka kepada cara penyeliaan. Oleh itu, adalah baik sekiranya penyelia mengikuti kursus untuk mempertingkat teknik dan cara penyeliaan mereka supaya disenangi oleh guru pelatih. Tujuannya juga ialah untuk mengelak ketegangan dan kerisauan di kalangan guru pelatih.
 - 6) Guru pelatih seharusnya menyiapkan diri mereka dari segi kewangan dan pelbagai keperluan lain sebelum menjalani latihan mengajar supaya masalah yang berkaitan dapat dielakkan.
 - 7) Guru pelatih bekas guru disyor supaya dikecualikan daripada menjalani latihan mengajar. Kajian menunjukkan mereka

mempunyai sikap yang dingin terhadap latihan mengajar tetapi mendapat keputusan yang baik dalam latihan mengajar. Ini bermakna mereka boleh menggunakan pengalaman mereka untuk menjalani latihan mengajar. Walau bagaimanapun, mereka merasakan latihan mengajar kurang sesuai untuk mereka yang sudah biasa dengan alam persekolahan. Program latihan mengajar, walau bagaimanapun perlu diadakan untuk guru pelatih bukan bekas guru supaya mereka dapat mengalami alam persekolahan sebagai seorang guru sebelum mereka benar-benar layak menjadi guru.

RUJUKAN

- ARCHESON, K.A. and M.D. GALL. 1980. *Techniques in the Clinical Supervision of Teachers: Preservice and Inservice Applications*. New York: Longman.
- COHEN, M.W. et al. 1972. Dimensions of elementary school student teacher concerns. *Journal of Experimental Education* 41: 6-10.
- HEDGES, L.E. 1989. *Supervising the Beginning Teacher: An Affirming Approach*. Danville, Ill: Interstate.
- HENRY, MARVIN A. 1963. The relationship of difficulties of student teachers to selected aspects of the professional sequence of education. Indiana University, Bloomington, Indiana.
- HENRY, M.A. and W.W. BEASLEY. 1979. *Supervising Student Teachers the Professional Way: A Guide for Cooperating Teachers*. Terre Haute, IN: Sycamore Press.
- KREJCIE, R.V. and MORGAN, D.W. 1970. Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- SEPERSON, M.A. and B.R. JOYCE. 1973. Teaching styles of student teachers as related to those of their cooperating teachers. *Educational Leadership Research Supplement* 31: 146-151.
- SHARPE, D.M. 1970. *A Brief Guide to Secondary Student Teaching*. Terre Haute, IN: Indiana State University.
- ZEVIN, J. 1971. In the cooperating teacher's image: Convergence of social studies student teachers' behavior pattern with cooperating teachers' behavior patterns, ERIC # ED 087781.

(Diterima 13 Mar 1995)

